Kemungkinan Mei - Jun tahun depan

P-raya: Parti2 politik kini susun strategi

KUALA LUMPUR, Isnin — Parti-parti politik termasuk parti pembangkang sedang menyusun strategi masing-masing bagi menghadapi pilihanraya umum yang kemungkinan besar diadakan pada bulan Mei atau Jun tahun depan.

Parti pemerintah - Barisan Nasional meskipun tidak menyatakan secara rasmi persiapan menghadapi pilihanraya umum itu, tapi tanda-tanda awal menunjukkan persiapan sedang berjalan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu mempengerusikan mesyuarat pertama Kabinetnya minggu lalu memberitahu, perkara pilihanraya belum lagi dibincangkan.

Bagaimanapun, parti-parti komponen BN seperti UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan BERJASA dikatakan sedang mengatur strategi pilihanraya yang mungkin diadakan sembilan atau 10 bulan lagi.

Pilihanraya besar itu diramalkan diadakan sebelum bulan Puasa Julai 1982. Ini menguatkan lagi ramalan bahawa pilihanraya diadakan pada Mei atau Jun 1982.

Suruhanjaya Pilihanraya juga kini semakin sibuk dengan tugas-tugas menguruskan daftar pengundi, tempat-tempat mengundi, urusan cetak mencetak dan pengambilan kakitangan sementara.

Buku Panduan

Sidang khas pertama Suruhanjaya Pilihanraya, Mei lalu juga memutuskan beberapa perkara seperti sempadan kawasan pilihanraya dan daftar pemilih baru.

Setiausahanya, Encik Abdul Rashid berkata, pihaknya sedang menerbitkan buku panduan calon untuk memudahkan calon-calon pilihanraya bertanding.

Katanya, buku itu adalah pertama kali diterbitkan. Ia mengandungi 13 bab setebal kira-kira 150 muka. Naskah asal dalam Bahasa Inggeris telah dicetak manakala terjemahannya ke bahasa-bahasa lain sedang disiapkan.

Beliau menjelaskan, gerakan mencari pemilih-pemilih baru dan pertukaran alamat akan dijalankan selama 42 hari mulai pertengahan bulan depan.

Sehingga ini, katanya, 5.6 juta rakyat Malaysia layak didaftarkan sebagai pemilih. Bagaimanapun, sejuta pemilih lagi akan diperolehi menerusi Rang Daftar Pemilih yang dikeluarkan April depan.

Setiausaha Agung BERJASA, Encik Ismail Haji Ali berkata, BERJASA akan bekerjasama dengan UMNO bagi mempastikan semua kerusi Barisan Nasional dapat dikekalkan.

Pengerusi Biro Politik GERAKAN, Dr. Goh Cheng Teik pula berkata, partinya berjanji akan bekerjasama dengan UMNO supaya tidak ada negeri-negeri di pantai Timur dikuasai oleh parti pembangkang.

GERAKAN akan membantu calon-calon UMNO yang bertanding khususnya di negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang dalam pilihanraya akan datang, katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia